

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU  
NAIDU [ BATU GAJAH ]**

**SOALAN NO. 432**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan profil ekonomi negara dari segi kedudukan kewangan, inflasi, guna tenaga, pasaran saham, nilai matawang, keluaran negara kasar, perdagangan antarabangsa dan pelaburan (FDI). Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memangkinkan ekonomi jangka pendek dan jangka panjang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pertumbuhan ekonomi benar negara bagi tahun 2018 menyederhana kepada 4.7% berbanding 5.9% pada tahun sebelumnya, tetapi masih dalam lingkungan kadar pertumbuhan yang disasarkan. Prestasi ekonomi yang menyederhana ini disebabkan terutamanya oleh kejutan penawaran dalam sektor berkaitan komoditi. Sektor perlombongan telah terjejas ekoran gangguan bekalan yang tidak dijangka serta penutupan loji pengeluaran di Sabah dan Sarawak bagi tujuan penyenggaraan. Manakala pengeluaran dalam sektor pertanian pula terganggu akibat keadaan cuaca yang buruk, terutamanya dalam pengeluaran getah dan kelapa sawit. Walau bagaimanapun, pertumbuhan positif sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi negara.

2. Pertumbuhan ekonomi negara juga disokong oleh perbelanjaan sektor swasta di mana penggunaan swasta telah meningkat sebanyak 8.1% dan pelaburan swasta sebanyak 4.5%. Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan langsung asing (FDI) yang menarik dengan jumlah FDI mencecah RM32.6 bilion pada tahun 2018. Meskipun berhadapan dengan ketidaktentuan pasaran global, khususnya ketegangan

perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China, perdagangan antarabangsa negara kekal memberangsangkan dengan peningkatan eksport sebanyak 6.8%, manakala import pula berkembang sebanyak 4.9% pada tahun 2018. Kadar pengangguran terus berada pada tahap guna tenaga penuh pada 3.3% bagi penghujung 2018. Manakala kedudukan inflasi kekal rendah pada kadar 1.0% pada tahun 2018 dan merupakan yang terendah sejak tahun 2010, yang seterusnya membolehkan dasar monetari kekal akomodatif dan kondusif bagi menyokong pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dasar monetari AS yang masih ketat telah menyebabkan aliran keluar modal yang berterusan, terutamanya dari pasaran baharu muncul. Namun demikian, nilai tukaran matawang ringgit mencatat peningkatan sebanyak 1.1% kepada paras RM4.09 bagi satu dolar AS pada 15 Mac 2019 berbanding kedudukan pada 2 Januari 2019, disokong oleh lebih akaun semasa dan asas ekonomi Malaysia yang kekal kukuh. Selain itu, pasaran ekuiti Malaysia masih mengekalkan paras yang menggalakkan dengan peningkatan FBMKLCI sebanyak 0.7% kepada 1,681 mata pada 15 Mac 2019 berbanding 2 Januari 2019.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga telah membentangkan dasar dan hala tuju sosioekonomi yang baharu bagi tempoh 2018-2020 dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) pada bulan Oktober yang lepas. Dasar yang diperkenalkan dalam KSP RMKe-11 ini akan mengukuhkan lagi asas ekonomi serta merencanakan pembangunan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif. Bagi tujuan ini, lima strategi ekonomi makro telah digariskan seperti berikut:

- (i) Pertama, memacu produktiviti pada peringkat nasional, sektor dan perusahaan bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif;
- (ii) Kedua, menggalakkan pelaburan berkualiti bagi menerajui pertumbuhan ekonomi;
- (iii) Ketiga, melaksana inisiatif untuk beralih kepada rantai nilai yang lebih tinggi dalam industri;
- (iv) Keempat, mengukuhkan eksport dan mengurus import untuk menambah baik imbalan pembayaran; dan

- (v) Kelima, memberi penekanan kepada langkah pengukuhan fiskal untuk memastikan kemampanan dalam jangka sederhana.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Manakala antara langkah jangka pendek yang telah diambil oleh Kerajaan melalui Bajet 2019 akan melengkapinya inisiatif dalam KSP RMKe-11 termasuk:

- (i) Menyediakan peruntukan R&D untuk meningkatkan produktiviti;
- (ii) Memberikan insentif untuk automasi;
- (iii) Menyediakan pelbagai dana (seperti Dana Pelaburan Berkaitan Kerajaan sebanyak RM2 bilion dan Dana Pelaburan Bersama sebanyak RM50 juta);
- (iv) Menyediakan peruntukan untuk menggalakkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) beralih kepada Industri 4.0 sebanyak RM210 juta; dan
- (v) Menyediakan peruntukan bagi meningkatkan latihan kemahiran dan keusahawanan.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang telah ditubuhkan pada 11 Februari 2019 akan membantu Kerajaan untuk meneliti serta merangka strategi bagi menangani isu-isu berkaitan hal ehwal ekonomi dan kebajikan rakyat. Matlamat utama penubuhan EAC adalah untuk merancang dan merangsang pertumbuhan ekonomi, memastikan pengagihan kekayaan yang saksama dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat. Kerajaan akan sentiasa mengambil langkah proaktif bagi menyokong dan memastikan ekonomi Malaysia terus berada pada landasan pertumbuhan yang kukuh.

Sekian, terima kasih.